

IIC anjur dua ceramah umum pembuka lembaran tahun 2014

KUCHING: Pusat Maklumat Islam (IIC) Sarawak akan mengadakan dua ceramah umum sebagai pembuka lembaran tahun 2014.

Ia bertujuan untuk mempromosi dan menyampaikan maklumat Islam serta memacu pemahaman dan penghayatan Islam di kalangan penduduk yang berbilang agama di negeri ini.

Menurut kenyataannya semalam, ceramah pertama 'From MTV to Mecca' akan diadakan pada 7 Januari 2014 di Auditorium IIC.

Ia disusuli oleh ceramah 'The Mercy of Prophet Muhammad' (pbuh)' pada 8 Januari 2014 di Pusat Islam Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Penceramah yang dijemput untuk kedua-dua ceramah itu merupakan Kristiane Backer, seorang pengacara TV dan wartawan terkemuka berasal dari London yang telah meluaskan kerjayanya sehingga ke Eropah.

Sebagai pengenalan, pada 2012, beliau telah menerbitkan sebuah memoir, 'From MTV to Mecca' yang merupakan memoir terlaris beliau di Britain.

Beliau juga telah dianugerahkan sebagai Duta Global bagi Yayasan Jelajah Islam atas sumbangan beliau dalam dialog antara budaya dan agama.

Pada tahun 2010, Kristiane menjadi ikon untuk kempen media 'Inspired by Muhammad' dan kerap menjadi penceramah jemputan dalam pelbagai program di peringkat antarabangsa.

Beliau turut mengacara sebuah program pelancongan yang disiarkan di 'Travel Channel' di Jerman serta program bual bicara antara agama di Ebru TV.

Ceramah itu merupakan hasil kerjasama kukuh IIC dengan 'Muslim Converts Association of Singapore' (Darul Arqam Singapore) yang telah bermula sejak 2010.

Program terbabit terbuka kepada umum dan bagi keterangan lanjut sila hubungi Muhammad Zakaria Ashmat atau Rohaiza Wahab menerusi talian 082-420798/4206282 atau faks 082-414809/420628.